



SIARAN SERTA MERTA

MOTAC.100-2/1/18 JLD4 (23)

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

SIARAN MEDIA

**BERSIKAP MESRA, PROMOSI MALAYSIA :
PEMANDU ADALAH DUTA PELANCONGAN**

Apabila sektor pelancongan global beransuh pulih dan pelancong dari seluruh dunia kembali memilih Malaysia sebagai destinasi pelancongan, maka semua pihak berkaitan industri pelancongan perlu memainkan peranan yang penting. Ini termasuk sektor logistik dan operator pengangkutan awam darat, seperti bas pelancongan, teksi, perkhidmatan *e-hailing*, kereta sewa dan lain-lain. Oleh itu, setiap individu yang terlibat dalam sektor ini digalakkan untuk menunjukkan sikap mesra ketika berhadapan dengan pelancong dan menerangkan dengan lebih jelas mengenai maklumat-maklumat destinasi tarikan pelancongan di negara ini. Sebab pemandu yang membawa pelancong juga merupakan 'duta' pelancongan Malaysia dan mereka mempunyai peranan meningkatkan daya saing industri pelancongan negara.

Kebanyakan pelancong yang datang ke negara ini bergantung kepada pengangkutan awam, seperti teksi dan *e-hailing* untuk pergi ke sesebuah destinasi tarikan. Tidak dinafikan ada antara mereka mengambil masa yang agak lama dalam kenderaan pengangkutan awam untuk pergi ke sesebuah lokasi. Oleh yang demikian, selain daripada aspek keselamatan, pemandu perlu memastikan mereka selamat sampai ke destinasi, pemandu juga perlu memainkan peranan sebagai 'duta' pelancongan. Mereka perlu mengekalkan sikap bersopan-santun, mesra dan memberi maklumat tepat berhubung lokasi tarikan pelancongan kepada para pelancong, sekali gus menonjolkan imej terbaik pelancongan Malaysia.

Perlu diingatkan juga bahawa perniagaan yang berkaitan pelancongan, termasuk hotel, makanan dan minuman (F&B), restoran, industri perkhidmatan dan lain-lain tidak boleh menaikkan harga jualan atau perkhidmatan sesuka hati, semata-mata untuk mengaut keuntungan dengan pantas. Sekarang adalah zaman berteknologi, semua maklumat hanya di hujung jari. Jika pelancong menggunakan perkhidmatan anda dan mereka mendapat layanan yang baik, pasti mereka akan menghebahkan kebaikan itu di dalam media sosial mereka. Sebaliknya, jika

anda mengambil kesempatan dengan mengenakan harga yang tidak masuk akal kepada pelancong, adakah anda rasa tindakan anda itu tidak akan diketahui oleh orang ramai? Bukan itu sahaja, jika tindakan anda itu tersebar di media sosial, ia bukan sahaja memberi kesan kepada industri pelancongan negara, malah para pelancong tidak akan memilih untuk menggunakan perkhidmatan anda lagi.

Usah tergesa-gesa untuk dapatkan keuntungan dengan cara yang melanggar undang-undang, sebaliknya pemain industri digesa untuk memberi fokus mencari kaedah terbaik untuk meningkatkan nama produk atau mutu perkhidmatan mereka secara inisiatif dari segi kualiti, kebersihan, harga berpatutan dan sebagainya. Tambahan pula, selepas dunia diserang pandemik, semua orang akan lebih memberi perhatian dalam aspek kesihatan dan kebersihan. Maka, perkara inilah yang perlu diambil perhatian oleh pemain industri sebagai nilai tambah untuk menarik kedatangan para pelancong.

Justeru, saya berharap pemain industri pelancongan akan menyedari dengan lebih jelas terhadap tanggungjawab dan peranan yang harus mereka tunaikan. Jika mereka

gagal, daya saing industri pelancongan Malaysia di peringkat antarabangsa akan lemah dan akhirnya, tidak mustahil negara ini akan gagal menarik minat pelancong datang ke Malaysia dan memberi impak negatif kepada ekonomi negara.

YB Dato Sri Tiong King Sing
Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya
10 Oktober 2023
PUTRAJAYA